



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**MAJLIS PERASMIAN
4TH MALAYSIA WATER RESOURCES MANAGEMENT FORUM 2018
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PUTRAJAYA**

25 SEPTEMBER 2018

1. YB. Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah menghadiri dan menyempurnakan Majlis Perasmian **4th Malaysia Water Resources Management Forum** pada 25 Sep, di Putrajaya pada hari ini. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli.
2. Malaysia Water Resources Management Forum 2018 adalah forum dwi-tahunan anjuran *Malaysian Water Partnership* (MyWP) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Akademi Sains Malaysia (ASM), *Malaysia Water Association* (MWA), Centre for Environment, Technology and Development, Malaysia (CETDEM), *Global Environment Center* (GEC), Universiti Putra Malaysia (UPM), *Institute for Environment and Development* (LESTARI)-UKM dan *Malaysian National Committee on Irrigation and Drainage* (MANCID).
3. Tema Forum yang diadakan pada tahun 2018 ini adalah **'Sharing Water'**. Forum selama dua hari ini bertujuan **mengumpulkan semua pihak berkepentingan bagi membincangkan isu-isu**

sumber air di negara ini dan strategi untuk menangani cabaran yang sedang dihadapi. Seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan pakar, agensi-agensi kerajaan, jurutera perunding dan organisasi bukan kerajaan (NGO's) dijangka akan menghadiri forum ini.

4. Objektif forum ini adalah untuk:
 - a. Menyediakan forum bagi menyuarakan, membincangkan dan mengesyorkan strategi untuk menangani isu berkaitan Pengurusan Sumber Air Bersepadu/*Integrated Water Resources management (IWRM)* yang dihadapi oleh sektor-sektor air yang berlainan di Malaysia.
 - b. Menyediakan platform untuk mengkaji semula pendekatan yang diambil untuk menangani kerja-kerja yang berkaitan dengan IWRM.
 - c. Mempromosikan advokasi dalam IWRM dan mengukuhkan komitmen politik terhadap IWRM.
5. Forum ini merangkumi lima sesi yang akan membincangkan sebanyak lapan ucapnama oleh pakar-pakar sumber air negara kita.
6. Matlamat pembangunan lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) telah menjadi agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai menjelang tahun 2030 yang diperakui semasa Sidang Kemuncak Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Lestari (United Nations Sustainable Development Summit) pada bulan September 2015. Daripada 17 matlamat SDG

tersebut, kita dapat melihat bahawa SDG 2 - *Zero Hunger*, dan SDG 6 – *Clean Water and Sanitation* berkait rapat dengan fungsi sumber air dalam mengekalkan ketersediaan makanan dan meningkatkan kebersihan sumber air kita.

7. Dalam menangani masalah sekuriti air dan kelestarian air, negara kita perlu bergerak pantas ke arah memperkasa IWRM secara keseluruhan seperti dalam pelan tindakan strategik yang digariskan dalam Dasar Sumber Air Negara/ *National Water Resources Policy (NWRP)*.
8. Di antara inisiatif-inisiatif Kerajaan dalam mengurus sumber air negara adalah:
 - a. Memperkasakan dasar dan perundangan pengurusan air melalui rancangan penggubalan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara.
 - b. Menerokai teknologi-teknologi baru yang tidak konvensional.
 - c. Mewujudkan '*engagement*' di antara pihak berkepentingan dan awam untuk meningkatkan kesedaran dan membina kapasiti sumber manusia dalam bidang air.
9. Pengurusan air yang lestari adalah satu isu yang kompleks. Dengan penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam forum ini, ia akan turut menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.